



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

COMPREHENSIVE APPLICATION

SYSTEMS – A LOOK AT ADOPTION & COMPLIANCE OF MPSAS



SKOP PEMBENTANGAN



PENGENALAN PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM DI DBKL



PEMAKAIAN MPSAS DI DBKL DENGAN APLIKASI SISTEM



ISU DAN CABARAN DBKL DALAM PELAKSANAAN MPSAS DAN SISTEM APLIKASI KEWANGAN

PENGENALAN PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM DI DBKL



PENGENALAN PENGGUNAAN APPLIKASI SISTEM DI DBKL

SISTEM LAFIS / SISKEP

- SEBELUM TAHUN 1999 (3 MODUL)

SISTEM SAP


- TAHUN 1999 HINGGA TAHUN 2013 (18 MODUL)
- PELAPORAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN PERS

SISTEM E-PBT


- TAHUN 2014 SEHINGGAN TAHUN 2019 (35 MODUL)
- PELAPORAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN PERS (TAHUN 2014 DAN TAHUN 2015)
- PELAPORAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN MPSAS (TAHUN 2016 HINGGA 2019)
- DALAM FASA PERALIHAN DARI PERS KE MPSAS

DBKL CORE SYSTEM (DCoS)

- TAHUN 2020 HINGGA KINI (48 MODUL)
- PELAPORAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN MPSAS



GRAF PERBANDINGAN BILANGAN MODUL



SEBAB PERUBAHAN SISTEM APLIKASI

SAP KEPADA E-PBT


- VERSI YANG TELAH OUDATED DAN TIDAK LAGI MEMPUNYAI SUPPORT.
- KOS LICENSE YANG TERLALU TINGGI UNTUK PENYELENGGARAAN
- SOKONGAN PELAKSANAAN E-PBT DARI JAN DAN DIGUNA PAKAI OLEH AGENSI-AGENSI KERAJAAN UNTUK DI IMPLEMAN DI DBKL
- KOS PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN E-PBT RENDAH BERBANDING UPGRADE SISTEM SAP



SEBAB PERUBAHAN SISTEM APLIKASI

SISTEM E-PBT KEPADA DBKL CORE SYSTEM (DCoS)

- MEMERLUKAN REKABENTUK SISTEM YANG LEBIH KOMPREHENSIF DALAM MEMASTIKAN TRANSAKSI DILAKSANAKAN SECARA ONLINE.
- E-PBT TIDAK BERUPAYA UNTUK DITAMBAHBAIK BAGI MEMENUHI KEPERLUAN BUSINESS PROCESS DBKL SEBAGAI CONTOH KEPERLUAN DALAM PELAPORAN MENGIKUT STANDARD MPSAS (TIADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET, TIADA PENYATA PERUBAHAN ASET DAN EKUITI BERSIH), SETUP DAN KONFIGURASI TIDAK DAPAT DIBUAT MENGIKUT KEPERLUAN MPSAS TERUTAMA BERKAITAN CATATAN PERAKAUNAN YANG BERUBAH SEPERTI KEPERLUAN MPSAS.
- TERDAPAT KEKANGAN DALAM MENGOPTIMASIKAN PENGGUNAAN MODUL PROJECT COSTING DI DALAM E-PBT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN MPSAS TERUTAMA UNTUK MEMPERMODALKAN SEMUA TRANSAKSI DALAM PEMBANGUNAN PROJEK DI DBKL (KOD BAJET BERCAMPUR).
- KE ARAH PELAKSANAAN SEMUA REKOD, PERMOHONAN, KELULUSAN DAN TRANSAKSI BERKAITAN KAKITANGAN SECARA ONLINE SEBAGAI CONTOH URUSAN CLAIM, URUSAN CUTI, URUSAN KEBAJIKAN, URUSAN PERUBATAN, URUSAN KENAIKAN PANGKAT, URUSAN TATATERTIB DAN LAIN-LAIN
- KE ARAH SATU PUSAT SALURAN DATA TRANSAKSI SECARA ONLINE BAGI MEMUDAHKAN URUSAN MEREKOD SEMUA TRANSAKSI KUTIPAN DAN BELANJA SECARA TERUS DIKEMASKINI DI DALAM LEJAR AM
- MELUASKAN LAGI SKOP PENGGUNAAN SISTEM KEPADA BEBERAPA PROSES KERJA YANG DILAKSANAKAN SECARA MANUAL BAGI MEMENUHI KEPERLUAN MPSAS SEBAGAI CONTOH TRANSAKSI BAGI PEMBANGUNAN PROJEK DI DALAM E-PBT DIREKOD DAN DISIMPAN SECARA MANUAL.



PEMAKAIAN MPSAS DI DBKL DENGAN APPLIKASI SISTEM



ARAHAN PEMAKAIAAN MPSAS OLEH MOF



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

KK/RSRR/S/ 10/16/03 JLD.7 (SK.3) (13)

15 September 2016

Senarai Edaran seperti di Lampiran A



PDB201609230020

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEMAKAIAN MALAYSIAN PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS
(MPSAS) OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menerbitkan piawaian perakaunan pertama untuk entiti perakaunan sektor awam di Malaysia selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise*) iaitu *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS). Piawaian tersebut telah digubal berasaskan *International Public Sector Accounting Standards* yang diterbitkan *International Federation of Accountants*. MPSAS akan mula digunakan oleh sektor awam mulai tahun 2017.

3. Sehubungan itu, bagi memudahkan penyatuan akaun di antara Kerajaan Persekutuan dengan agensi dan Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Kementerian ini bercadang memperluaskan pemakaian MPSAS ini kepada semua BBP sebagai rangka kerja pelaporan kewangan masing-masing mulai tahun 2020. Pemakaian MPSAS ini tidak meliputi BBP yang pelaporan kewangannya tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4. Selaras dengan pemansuhan piawaian perakaunan *Private Entities Reporting Standards* (PERS) yang sebelum ini digunakan BBP dan digantikan dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) mulai 1 Januari 2016, Kementerian ini menggalakkan pemakaian MPSAS bagi rangka kerja pelaporan kewangan BBP masing-masing mulai tahun 2016. Pemakaian awal MPSAS sebelum tahun 2020 hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Perunding, JANM untuk kelulusan dan latihan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(GHO PENG SENG)

Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun Persekutuan
b.p. Ketua Setiausaha Perbadanan MHD AMIN NOR DIN
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Pengarah Kewangan
Sila ambil perhatian
26/9





ARAHAN PEMAKAIAN MPSAS OLEH KSP



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General to the Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
Tel. No. : 03-88823882
 : 03-88823333
Telefax : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242

SULIT

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan
KK/BSBB(S) 10/16/ 03 JLD.9 (SK.1) (9)
9 Disember 2016

Senarai Edaran seperti di Lampiran A

*Dr. Mohd. Najib bin Hj. Mohd.
Pengarah Eksekutif Perancangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*



TKPR20161222030



PDB201612210016

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN BAGI RANGKA KERJA PELAPORAN PENYATA KEWANGAN OLEH BADAN BERKANUN, PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 DAN TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan, Kementerian Kewangan memutuskan supaya Badan Berkanun Persekutuan (BBP) menerima pakai piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya seperti berikut:

- i. Bagi BBP yang telah menerima pakai *Financial Reporting Standards* atau *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*, BBP tersebut hendaklah terus menerima pakai MFRS yang diterbitkan oleh MASB;
- ii. Bagi BBP yang telah mula menerima pakai *Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)*, BBP tersebut terus menerima pakai MPERS yang diterbitkan oleh MASB;
- iii. Bagi BBP yang selama ini menerima pakai *Private Entities Reporting Standards* atau mana-mana piawaian perakaunan lain, BBP tersebut hendaklah menerima pakai MPERS yang diterbitkan oleh MASB; atau
- iv. Bagi BBP yang bersedia menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*, BBP tersebut boleh menerima pakai MPSAS yang diterbitkan oleh JANM dengan syarat mendapat kelulusan daripada JANM.

3. Keputusan ini menggantikan perenggan 3 dan 8 dalam 1Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1.



SULIT

4. Sukacita Kementerian ini menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan ke atas surat Kementerian Kewangan sebelum ini rujukan KK/BSBB(S) 10/16/03 JLD.7 (SK.3) (13) bertarikh 15 September 2016 berhubung cadangan memperluaskan pemakaian MPSAS kepada semua BBP sebagai rangka kerja pelaporan kewangan masing-masing mulai tahun 2020. Kementerian ini menggalakkan pemakaian awal MPSAS bagi rangka kerja pelaporan kewangan BBP mulai tahun 2016 tertakluk dengan syarat BBP mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pemakaian MPSAS ini tidak meliputi BBP yang pelaporan kewangannya tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara tersebut di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Bin Abdullah

(TAN SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH)

s.k.:

TKSP(I)

YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA

YBhg. Tan Sri Haji Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara
Pejabat Ketua Audit Negara
No. 15, Aras 4, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 PUTRAJAYA





KELULUSAN PEMAKAIAN AWAL PIAWAIAN PERAKAUNAN MPSAS UNTUK PENYATA KEWANGAN DBKL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016



Rujukan Kami : ANM/SPP/P/2/75 Jld. 1 (94)
Tarikh : 23 November 2016

Bendahari Bandaraya
Jabatan Kewangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Menara DBKL 1
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
(u.p: En. Mohamad bin Hamim)

Tuan,

KELULUSAN PEMAKAIAN AWAL MALAYSIAN PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS (MPSAS) OLEH DBKL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pemakaian awal MPSAS kepada pihak tuan bagi tujuan penyediaan penyata kewangan tahun 2016.


3. Bagi persediaan dari segi latihan, pihak BKP ada menganjurkan kursus MPSAS secara berperingkat dan hebahan akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan permintaan dan keperluan latihan oleh agensi.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Dan Integriti Merealisesi Perakaunan Akruan"

Saya yang menurut perintah,


(TARNIZI BIN TAMBY CHIK C.A (M))
Timbalan Perarah
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
b.p. Akauntan Negara Malaysia



IMPLIKASI KE ATAS PENYATA KEWANGAN



MPSAS

“Malaysian Public Sector
Accounting Standards”

- Perubahan format Penyata Kewangan.
- Perubahan polisi perakaunan.
- Tambahan pendedahan maklumat kewangan.
- Peningkatan jumlah aset kerana permodalan aset infrastruktur
- Pengiktirafan peruntukan manfaat pekerja (Ganjaran Cuti Rehat) sebagai liabiliti
- Pendedahan elaun dibayar kepada pihak berkepentingan

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Piawaian Perakaunan untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Dalam peralihan kepada MPSAS, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan ini terhadap aset infrastruktur. Pada tahun sebelumnya, aset infrastruktur adalah tidak dipermodalkan. DBKL akan mengenalpasti dan mempermodalkan aset infrastruktur secara berperingkat sepanjang tempoh yang dibenarkan.

Kesan pengiktirafan ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebihan terkumpul.

Untuk tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan DBKL telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan untuk Entiti Persendirian (PERS – *Private Entities Reporting Standards*).

2.2 Perubahan Polisi Perakaunan

Pada 1 Januari 2016, DBKL memilih untuk menerima pakai awal MPSAS yang akan berkuat kuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Piawaian yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Rosotnilai Aset Bukan Penjanaan Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan
- MPSAS 23, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- MPSAS 24, Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Pekerja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- MPSAS 26, Rosotnilai Aset Penjanaán Tunai
- MPSAS 27, Agrikultur
- MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Persembahan
- MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara
- MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Pemberi
- MPSAS 33, Kali Pertama Penggunaan Asas Akruan MPSAS
- MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama
- MPSAS 37, Pengaturan Bersama
- MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

Semua perubahan di dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan di dalam piawaian di atas. Kesan pertukaran kepada MPSAS ditunjukkan pada Nota 24.



PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016

PERALIHAN KEPADA MPSAS – SISTEM EPBT



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawai pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).



NOTA

Nota kepada Penyata Kewangan di mukasurat 1 hingga 37 adalah berkaitan perkara-perkara yang diambil kira untuk peralihan bagi memenuhi keperluan MPSAS




PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016

PERALIHAN KEPADA MPSAS – SISTEM EPBT

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Penasihat terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Penasihat dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 OGOS 2017




NOTA

Pendapat Jabatan Audit Negara
ke atas Penyata Kewangan DBKL
tahun 2016 berkaitan peralihan
kepada MPSAS



MPSAS



MPSAS VS SISTEM E-PBT

PEMATUHAN DI FASA PERALIHAN DALAM TAHUN 2016

- PELAPORAN SOKONGAN (PENYATA PERBANDINGAN BAJET, PENYATA PERUBAHAN ASET DAN EKUITI BERSIH) DISEDIAKAN SECARA MANUAL.
- PERUBAHAN KEPERLUAN CATATAN PERKAUNAN UNTUK MEMENUHI MPSAS – EPBT TIADA SETUP KHUSUS BAGI PECAHAN HASIL.
- PENGUKURAN DAN PENILAIAN ASET INFRA UNTUK DIREKODKAN KEDALAM EPBT.
- PENYEDIAAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016 SECARA MANUAL (1ST YEAR ADOPTION MPSAS).
- PENAMBAHBAIKAN UNTUK MENGELUARKAN LAPORAN MENGIKUT KEPERLUAN MPSAS SUKAR DILAKSANAKAN.
- REKABENTUK YANG TIDAK MENYELURUH DARI SEGI FLOW DATA UNTUK TRANSAKSI KUTIPAN HASIL DAN BELANJA PROJEKPEMBANGUNAN.

MPSAS VS DBKL CORE SYSTEM

PEMATUHAN KEPADA KEPERLUAN MPSAS

- SEMUA KEPERLUAN PEMATUHAN KEPERLUAN MPSAS TELAH DI AMBIL KIRA DI DALAM FASA USER REQUIREMENT STUDY (URS) SECARA TERPERINCI.
- REKABENTUK SISTEM YANG MENYELURUH KE ATAS FLOW DATA KUTIPAN HASIL DAN BELANJA SECARA BERINTEGRASI ANTARA FEEDER SISTEM LAIN DI DALAM DBKL
- MENGUBAH PROSES KERJA MANUAL KEPADA SISTEM YANG MEMPERCEPATKAN PROSES KELULUSAN DAN BAYARAN (TRANSAKSI BERKAITAN KAKITANGAN DBKL)
- PENJANAAN LAPORAN-LAPORAN BERKAITAN MPSAS SECARA TERUS DARIPADA SISTEM
- PENAMBAHBAIKAN PROSES MEMPERMODALKAN ASET-ASET DI BAWAH PROJEK PEMBANGUNAN SECARA ONLINE YANG DAHULUNYA DIBUAT SEMAKAN MANUAL

REKABENTUK KESELURUHAN DBKL CORE SYSTEM

MODULE NAME		MODULE NAME		MODULE NAME	
No	EBS	No	HCM	No	DREAMS
1	GENERAL LEDGER	17	FOUNDATION TABLE & WORK FORCE ADMIN	33	SEWAAN - PERUMAHAN
2	CASH MANAGEMENT	18	POSITION MANAGEMENT	34	SEWAAN - GERAJ PASAR
3	ACCOUNT PAYABLE	19	EPROFILE & MANAGER DESKTOP	35	SEWAAN - HARTA PELBAGAI
4	ACCOUNT RECEIVABLE	20	LABOR ADMINISTRATION	36	SEWAAN - PARKIR
5	FIXED ASSET MANAGEMENT	21	GLOBAL PAYROLL	37	SEWAAN - HARTANAH
6	INSURANCE MANAGEMENT	22	CLAIM & ADVANCE MANAGEMENT	38	ID PELANGGAN
7	FLEET MANAGEMENT	23	LOAN MANAGEMENT	39	KUTIPAN
8	ENTERPRISE ASSET MANAGEMENT	24	ABSENCE MANAGEMENT	40	TAKSIRAN
9	IPROCUREMENT AND PURCHASING	25	TIME & ATTENDANCE MANAGEMENT	41	BIL AIR
10	INVENTORY MANAGEMENT	26	TIME & ATTENDANCE (OT)	42	CAJ PEMBANGUNAN
11	PROJECT MANAGEMENT & COSTING	27	COMPENSATION MANAGEMENT	43	CAGARAN
12	PETTY CASH	28	ADMINISTER TRAINING	44	TERIMAAN PELBAGAI
13	HYPERION – BUDGET MANAGEMENT	29	RECRUITING SOLUTIONS	45	EIS
14	TREASURY MANAGEMENT	30	SCHOLARSHIP MANAGEMENT	46	PENGURUSAN PERBADANAN
15	SINGLE SIGN ON (SSO)	31	CLAIMS - HR BENEFIT	47	JUALAN PERUMAHAN
16	SOA	32	CLAIMS - MEDICAL REIMBURSEMENT	48	JUALAN ASET HARTANAH

REKABENTUK KESELURUHAN DBKL CORE SYSTEM



IMPAK PERUBAHAN PROSES DARI MANUAL KEPADA ONLINE DI DALAM DBKL

1) PROSES PERMOHONAN KAKITANGAN SEMUA DI LAKSANAKAN SECARA ONLINE

- PERMOHONAN BIASISWA DATUK BANDAR
- PERMOHONAN PINJAMAN (KENDERAAN, KOMPUTER, PINJAMAN PELAJARAN DB)
- PERMOHONAN KE LUAR NEGARA
- PERMOHONAN CUTI (SEMUA CUTI YANG LAYAK DI DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN)
- PERMOHONAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR)
- PERMOHONAN KUARTERS KAKITANGAN
- PERMOHONAN SEWAAN RUMAH REHAT DBKL
- PERMOHONAN TEMPAHAN BILIK MESYUARAT DAN LAIN-LAIN FASILITI

2) PROSES TUNTUTAN KAKITANGAN

- TUNTUTAN CLAIM KAKITANGAN
(CTH : ELAUN MAKAN, ELAUN HOTEL, ELAUN PERJALANAN, ELAUN LEBIH MASA DLL)
- PERMOHONAN PENDAHULUAN DIRI DAN TUNTUTAN KAKITANGAN MELALUI PENDAHULUAN DIRI
TUNTUTAN PERUBATAN
- TUNTUTAN KEBAJIKAN (BANTUAN KEMATIAN, BANTUAN MASUK WAD, DLL)



IMPAK PERUBAHAN PROSES DARI MANUAL KEPADA ONLINE DI DALAM DBKL

3) PROSES PEMBAYARAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN


- PENYEDIAAN SIJIL KEMAJUAN MELALUI DCOS (MODUL PROJECT MANAGEMENT)
- MAKLUMAT WIP TERUS DI KEMASKINI DI DALAM DCOS (MODUL PROJECT COSTING)
- PROSES TERUS BERINTEGRASI KE LEJAR AM DAN PROSES PERMODALKAN ASSET ADALAH SECARA TERUS DI DALAM DCOS (DAHULU DI SEMAK DAN DI LARAS SECARA MANUAL)

4) PROSES KEMASKINI KUTIPAN LUAR SECARA TERUS (DAHULUNYA PERLU DI UPLOAD).

- PROSES INI TERUS DI KEMASKINI KE DALAM LEJAR AM DAN PECAHAN HASIL ADALAH MENGIKUT KEPERLUAN MPSAS YANG MANA TELAH DI PECAHKAN DALAM KELOMPOK HASIL PERTUKARAN DAN HASIL BUKAN PERTUKARAN

5) KOD BELANJAWAN

- KOD BELANJAWAN YANG SELARI DENGAN KOD HASIL AGAR MUDAH UNTUK BUAT PERBANDINGAN SEPERTI YANG DI SYARATKAN DI DALAM MPSAS UNTUK MEMPERSEMBAHKAN PENYATA PERBANDINGAN BAJET



IMPAK PERUBAHAN PROSES DARI MANUAL KEPADA ONLINE DI DALAM DBKL

6) PROSES PENGAMBILAN BARANG DI STOR PUSAT ADALAH SECARA ONLINE (DAHULU PERLU ISI BORANG)

- PROSES KEMASKINI TRANSAKSI SECARA TERUS PADA BELANJA DAN GL STOCK

7) PROSES TEMPAHAN KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN PELBAGAI JABATAN SECARA ONLINE (DAHULU ISI BORANG)





ISU DAN CABARAN DBKL



**PERALIHAN PIAWAIAN
PERAKAUNAN KE MPSAS**




**PELAKSANAAN
SISTEM APPLIKASI KEWANGAN**



CABARAN PERALIHAN KEPADA MPSAS







CABARAN PELAKSANAAN APLIKASI SISTEM KEWANGAN



ISU DAN CABARAN : TEMPOH PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN

DBKL CORE SYSTEM

ISU DAN CABARAN DBKL DALAM PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI VS MPSAS

ISU MAPPING ANTARA PROSES SEDIA ADA DI EPBT DENGAN PROSES BARU YANG PERLU DIBANGUNKAN DI DCoS

CONTOH :

- PROSES PEMBAYARAN UNTUK PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DBKL
- PROSES PENGELUARAN ARAHAN KERJA UNTUK KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN
- PROSES TUNTUTAN KAKITANGAN DAN PROSES KELULUSAN PENDAHULUAN DIRI KAKITANGAN
- DLL



PENYELESAIAN :

- SATU DOKUMEN AS IS AND TO BE TELAH DI SEDIAKAN BAGI MEMASTIKAN SETIAP PROSES KERJA TELAH DI AMBIL KIRA DI DALAM KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM DI FASA URS. DOKUMEN NI MENGANDUNGI PERBANDINGAN SATU PERRSATU PROSES KERJA YANG AKAN DILAKUKAN DI DALAM SISTEM BERBANDING PROSES SEDIA ADA SEMASA MENGGUNAPAKAI EPBT
- SATU PASUKAN CHANGE MANAGEMENT TURUT DI TUBUHKAN SEPANJANG PEMBANGUNAN PROJEK BAGI MEMBERI PENJELASAN DAN INFO BERKAITAN PERUBAHAN YANG AKAN DIHADAPI KAKITANGAN APABILA DCoS LIVE SEPENUHNYA

ISU DAN CABARAN : TEMPOH PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN DBKL CORE SYSTEM

ISU DAN CABARAN DBKL DALAM PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI VS MPSAS

ISU CUSTOMIZED DI DALAM DBKL CORE SYSTEM (DCoS)

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN BUSINESS PROCESS DBKL DAN PIAWAIAN PERAKAUNAN MPSAS KE SEMUA MODUL YANG DIBANGUNKAN PERLU DI TAMBAH BAIK MENGIKUT KEPERLUAN PENGGUNA (URS). CTH MODUL LEJAR AM, MODUL PROJECT MANAGEMENT, MODUL PROJECT COSTING, MODUL TREASURY MANAGEMENT, MODUL FLEET MANAGEMENT DLL

PENYELESAIAN :

- KEPERLUAN PENGGUNA DIAMBIL SECARA TERPERINCI DALAM SESSI URS DAN SATU DOKUMEN SDD DISEDIAKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM SISTEM DIBANGUNKAN AGAR PENGGUNA MENDAPAT GAMBARAN JELAS BERKAITAN INTERFACE (GUI) MODUL-MODUL BERKAITAN.
- DOKUMEN SDD BERPERANAN SEBAGAI MOCK UP KEPADA PENGGUNA UNTUK MENYESUAIKAN PAPARAN SEBELUM FASA UAT BERMULA.



ISU DAN CABARAN : TEMPOH PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN DBKL CORE SYSTEM

ISU DAN CABARAN DBKL DALAM PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI VS MPSAS

ISU INTERGRASI DENGAN SISTEM-SISTEM LUAR DBKL

ISU FLOW DATA DAN KESEDIAAN SISTEM-SISTEM LUAR DBKL UNTUK BERINTEGRASI DENGAN DBKL CORE SYSTEM. TERUTAMA SISTEM-SISTEM YANG MELIBATKAN KUTIPAN HASIL SECARA ONLINE CTH : KLSPEFF, KLIS, EPLAB, E- PEROLEHAN DLL

PENYELESAIAN :

- SATU DOKUMEN PERANCANGAN INTERGRATION DISEDIAKAN BAGI MEMASTI SETIAP FLOW DAN KEPERLUAN SISTEM LUAR DBKL DAPAT DIPENUHI UNTUK DI INTEGRASI. SELAIN ITU SETIAP SATU INTEGRASI MEMPUYAI INTERGATION DESIGN DOCUMENT MASING-MASING DAN SETIAP INTEGRASI DIUJI DALAM SESSI SYSTEM INTEGRATION TESTING(SIT)



ISU DAN CABARAN : TEMPOH PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN DBKL CORE SYSTEM

PERALATAN PEKAKASAN KOMPUTER

PERALATAN PEKAKASAN KOMPUTER YANG PERLU MENGIKUT MINIMUM SPEKSIFIKASI BAGI MENGAKSES SISTEM SERTA CAPAIAN INTRANET PERLU DI TINGKATKAN KELAJUANNYA. SELAIN ITU SEMUA KAKITANGAN WAJIB MEMPUNYAI EMAIL ADDRESS UNTUK PENGAKTIFAN AKAUN

PENYELESAIAN :

- PEROLEHAN BARU KOMPUTER UNTUK MENGGANTIKAN SEMUA KOMPUTER-KOMPUTER YANG TIDAK MEMENUHI SPEKSIFIKASI. MEWAJIBKAN SEMUA KAKITANGAN DAFTAR EMAIL



ISU DAN CABARAN : PROSES DATA MIGRASI DAN LIVE SISTEM PADA JANUARI 2020

DATA MAPPING

- STRUKTUR DATA YANG BERBEZA (EPBT VS DCOS)
- ISU DATA MANUAL SEDIA ADA (PROSES MANUAL YANG TIADA DALAM EPBT)
- PROSES DATA MAPPING ANTARA EPBT DAN DCOS
- PENENTUAN DATA UNTUK DIMIGRASI (JENIS DATA, OPEN ITEM @ LINE ITEM DLL)

DATA CLEANSING

- DATA SEDIA ADA DALAM EPBT
- Data manual tidak mencukupi (Cth data projek yang terpaksa di semak di dalam fail sebelum di masukkan ke dalam template untuk di migrasi ke Modul Projek Management)
- Proses data cleansing
- Intergration sedia ada melibatkan reconciliation data



ISU DAN CABARAN : PROSES DATA MIGRASI DAN LIVE SISTEM PADA JANUARI 2020

DATA MIGRATION CUTT-OFF

- TARIKH AKHIR EXTRACTION
- PENENTUAN VERIFIKASI DAN LOAD DATA KE DCOS
- JUMLAH DATA YANG DIMIGRASI

PROSES PENUTUPAN TAHUN KEWANGAN 2019 DAN BAKI AWAL 2020

- DATA SEDIA ADA DALAM EPBT
- DATA MANUAL TIDAK MENCIKUPI
- PROSES DATA CLEANSING
- INTERGRATION SEDIA ADA MELIBATKAN RECONCILIATION DATA



ISU DAN CABARAN : PROSES DATA MIGRASI DAN LIVE SISTEM PADA JANUARI 2020

CABARAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020

- DATA YANG PERLU DIBUAT PENYESUAIAN TERLALU BANYAK (LEDGER DAN SUBSIDARI)
- DATA GL YANG PERLU DIBUAT PELARASAN AKIBAT DARI KESILAPAN POSTING DAN SETUP
- MEMERLUKAN BANTUAN KONSULTAN UNTUK MEMBUAT ANALISA DATA GL BAGI MEMASTIKAN DATA ADALAH TEPAT
- VERIFIKASI SEMULA KE ATAS DATA ASET YANG HANYA DI MIGRATE SELEPAS PENYIAPAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019 UNTUK DAPAT NILAI YANG TEPAT

CABARAN PENGGUNAAN DCOS PADA 2 JAN 2020

- LOGIN DAN AKSES SISTEM
- KESTABILAN NETWORK DAN SISTEM
- FLOW DATA INTERGRASI
- PENGGUNAAN SISTEM UNTUK PROSES MANUAL / USER TIDAK MAHIR
- JUMLAH PENGGUNA YANG RAMAI
- TAMBAHAN SETTING DALAM MODUL TERUTAMA UNTUK MODUL DI HCM
- FALLBACK PLAN





Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

TERIMA KASIH